

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah tapak pelupusan sisa radioaktif (PDF) Asian Rare Earth di Banjaran Kledang telah retak. Jika ya, nyatakan tahap pencemaran, tindakan yang telah diambil, kos terlibat dan apakah jaminan Kerajaan bahawa ia tidak akan retak lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pensampelan radiologi dan alam sekitar dilakukan 4 kali setahun meliputi parameter aras sinaran luar, air, radon and thoron di kemudahan pelupusan sisa radioaktif Asian Rare Earth di Bukit Kledang. Pensampelan terkini telah diambil pada 18 September 2019 dan sampel tersebut sedang dianalisa oleh Agensi Nuklear Malaysia. Bacaan awal aras sinaran luar yang diambil telah merakamkan bacaan di sekitar tapak pelupusan sisa radioaktif di bawah had orang awam di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) iaitu 0.50 $\mu\text{Sv}/\text{jam}$.

Keputusan analisa radon dan thoron yang terkini oleh Agensi Nuklear Malaysia, berdasarkan bacaan yang diambil pada bulan Julai 2019 juga di bawah had orang awam selaras dengan Akta 304. Bacaan radon

NO. SOALAN: 9

adalah 36.1 Bq/m^3 di bawah had 200 Bq/m^3 manakala bacaan thoron adalah 55.6 Bq/m^3 di bawah had 500 Bq/m^3 .

Bacaan yang dirakamkan dalam pensampelan sebelum dan pemeriksaan berkala sebelum ini juga tidak menimbulkan rakaman bacaan yang ganjil.

Projek ini tertakluk kepada perundangan yang ketat dari pelbagai agensi. Kerajaan melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) sentiasa memantau kemudahan tersebut melalui pemeriksaan berkala yang dijalankan dan pemilik telah dilesenkan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304).

Sekian, terima kasih.